

70% aset, dana 1MDB diperoleh semula, kata SPRM

FREE MALAYSIA TODAY

March 07, 2023

Faisal Asyraf

Ketua Pesuruhjaya SPRM Azam Baki berkata pihaknya berusaha mendapatkan semula baki 30% aset dan dana dikaitkan dengan 1MDB di beberapa lokasi luar negara.

facebook sharing button Sharetwitter sharing button Tweetwhatsapp sharing button Shareemail sharing button Email

Ketua Pesuruhjaya SPRM Azam Baki berkata kira-kira RM28.93 bilion aset dan dana dikaitkan dengan 1MDB diperoleh semula. (Gambar Reuters)

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memperoleh semula kira-kira 70% atau RM28.93 bilion daripada aset dan dana dikaitkan dengan 1MDB.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Azam Baki, berkata pihaknya berikrar tidak akan berhenti dalam usaha mendapatkan semula baki 30% aset dikaitkan dengan dana kekayaan negara itu.

“Pengesanan aset masih diteruskan dan tak dihentikan, ada lagi beberapa tempat di negara luar di mana usaha SPRM terutama sekali untuk kesan aset-aset ini,” katanya pada sidang media di ibu pejabat SPRM.

Minggu lalu, Kementerian Kewangan memaklumkan dua firma pelaburan milik Abu Dhabi International Petroleum Investment Company (Ipic) dan Aabar Investments PJS bersetuju membayar USD1.8 bilion kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan 1MDB bagi menyelesaikan pertikaian undang-undang.

Kedua-dua pihak terlibat dalam pertikaian undang-undang di United Kingdom dengan mendakwa Ipic dan Aabar bersubahat dalam skandal 1MDB.

Penyelesaian itu dicapai dalam prosiding undang-undang yang berlangsung di Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London dan Mahkamah Tinggi London.

Dalam perkembangan lain, Azam menepis dakwaan Setiausaha Agung Bersatu Hamzah Zainudin bahawa SPRM tidak mempunyai sebab untuk menahan reman Bendahari Agung Salleh Bajuri.

Hamzah berkata, Salleh “amat bekerjasama” dan telah dipanggil beberapa kali oleh SPRM pada Januari berhubung siasatannya.

Azam menegaskan SPRM menggunakan budi bicaranya untuk menahan reman Salleh dan mematuhi peraturan dan undang-undang berkaitan.

“Saya menyerahkan pada pegawai penyiasat. Mereka merasakan perlu reman pada masa itu. Kami menggunakan budi bicara kami (untuk mendapatkan perintah reman) dari semasa ke semasa bergantung kepada kes,” katanya.

SPRM menyoal Salleh minggu lepas dalam siasatan mereka terhadap program Jana Wibawa. Menurut sumber, siasatan juga melibatkan program Platform Akar Umbi Pemacu Negara (AkuPN).

Bulan lalu, Ahli Parlimen Tasek Gelugor Wan Saiful Wan Jan dan Timbalan Ketua Bersatu Segambut Adam Radlan Adam Muhammad didakwa atas pertuduhan rasuah berkaitan program Jana Wibawa.

Copyright © 2009 – 2023 FMT Media Sdn Bhd. All Rights Reserved.

Sources:

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/07/70-aset-dana-1mdb-diperoleh-semula-kata-sprm/>